

Nota Penyelidikan/Research Note

Diaspora dan Masalah Identiti Sikh di Malaysia

SARJIT SINGH A/L DARSHAN SINGH

ABSTRAK

Nota penyelidikan ini membincangkan diaspora Sikh dan masalah identiti di kalangan komuniti Sikh di Malaysia. Migrasi orang Sikh dari India ke negara-negara lain termasuk Malaysia menimbulkan pelbagai masalah dalam usaha mengekalkan identiti Sikh. Krisis identiti ini muncul dalam proses penyesuaian orang Sikh dengan komuniti tempatan dari segi ekonomi, sosial, budaya dan politik. Identiti Sikh yang dilambangkan oleh pemakaian simbol 5K semakin terdedah kepada pengaruh budaya etnik masyarakat setempat. Sementara sebahagian daripada komuniti Sikh berusaha mengekalkan identiti mereka, sebahagian yang lain, khususnya generasi muda, sudah mula meninggalkan beberapa aspek identiti Sikh dan membentuk simbol identiti baru.

Kata kunci: diaspora Sikh, identiti, simbol 5K, agama

ABSTRACT

This research note discusses Sikh diaspora and the identity of the Sikh community in Malaysia. The Sikh migration from India to other countries including Malaysia has posed problems with regard to the preservation of their identity. An identity crisis among the Sikh occurs in the process of their adaptation with the local community's economy, social life, culture, and politics. Sikh identity which is represented by the usage of the 5K symbol is increasingly exposed to the influence of various local ethnic cultures. While a section of the Sikh community attempts to preserve their identity, others namely the young generation, have discarded some aspects of it and have adopted new identity symbols.

Key words: Sikh diaspora, identity, 5K symbols, religion

DIASPORA SIKH

Masyarakat Sikh adalah kaum minoriti yang ketiga terbesar di India selepas masyarakat Islam dan Hindu dan sebahagian besar daripada mereka tertumpu di negeri Punjab (Billa 1980: 59). Bakinya tersebar di luar India seperti di England,

Amerika Syarikat, Kanada, Afrika Timur, Emirate Arab Bersatu, Iran, Malaysia dan Hong Kong (Guninder 1993: 6). Sehingga pertengahan tahun 1994, jumlah orang Sikh di seluruh dunia lebih kurang 20.2 juta orang atau 0.4 peratus daripada penduduk dunia (*Encyclopaedia of Britannica Book Year 1995: 275*). Di Malaysia, jumlah komuniti Sikh pada 1999 dianggarkan seramai 60 ribu orang.

Antara faktor yang menyebabkan diaspora Sikh ke seluruh dunia termasuk Malaysia ialah dorongan keagamaan yang berkait rapat dengan pengembaraan pengasas agama Sikh, iaitu Sri Guru Nanak Dev Ji dalam usaha untuk mengembang dan menyebarkan ajaran agama Sikh ke seluruh dunia. Guru Nanak bersama dua orang sahabat baiknya iaitu Mardana (seorang Muslim) dan Bala (seorang Hindu) telah mengembara ke Afrika, Mekah, Baghdad, Afghanistan, Tibet, Assam, Calcutta dan Ceylon bertujuan untuk menyebarkan ajaran agama Sikh. Guru Nanak menyeru semua manusia adalah sama di sisi Tuhan dan menolak sama sekali amalan sistem kasta dan kepercayaan karut. Mengikut ajaran Guru Nanak, buruk atau baiknya seseorang itu tidak disebabkan oleh bangsa, agama, warna kulit atau kecil besar tubuh badannya sebaliknya terletak kepada amalannya (Sikh Naujawan Sabha 1969: 4).

Dorongan keagamaan ini telah menyebabkan penganut-penganut Sikh mengambil inisiatif untuk menyebarkan ajaran agama Sikh ke seluruh dunia demi meneruskan tradisi yang ditinggalkan oleh Guru Nanak. Pada 13 April 1999, masyarakat Sikh di seluruh dunia menyambut ulang tahun yang ke-300 sempena penubuhan kaum *Khalsa* oleh Sri Guru Gobind Singh Ji (1675-1708), salah seorang pengikut Guru Nanak. Selain itu, kemangkatan Maharaja Ranjit Singh (1799-1839) iaitu Maharaja Punjab, pada 22 Jun 1839 dan penaklukan British ke atas negeri Punjab telah menyebabkan penghijrahan beramai-ramai orang Sikh ke luar dari Punjab (Nayar 1966: 60) (lihat Jadual 1).

Antara negara baru yang mereka tuju ialah Tanah Melayu yang juga berada di bawah jajahan British. Di Tanah Melayu, mereka bekerja dalam pasukan keselamatan dalam empayar British. Pemerintah British yang merekrut tentera menyediakan bukan sahaja peluang untuk berkhidmat malah berhijrah ke seluruh empayar British. Malaya merupakan salah satu daripada pelabuhan kedatangan tentera Sikh, kemudian mereka mendapat peluang bertugas di Fiji, New Zealand, Australia dan Kanada (Cohen 1997: 109).

Peranan Captain James Speedy di Perak, Tanah Melayu yang membawa 95 orang Sikh, Pathan dan Punjabi-Muslim untuk menyelesaikan pertelingkahan kongsi gelap Cina pada 1870-an mengenai masalah perlombongan bijih timah di Larut juga menandakan satu permulaan awal kemasukan orang-orang Sikh di Tanah Melayu (Kernial Singh 1993: 560).

Faktor pemindahan para banduan Sikh dari India ke Negeri-negeri Selat juga merupakan satu permulaan proses diaspora Sikh yang terawal di Tanah Melayu. Dipercayai ada dua orang banduan Sikh yang tiba di Negeri-negeri Selat pada 1850. Mereka bernama Nihal Singh (dikenali umum sebagai Bhai Maharaj Singh) dan Kharak Singh yang dibuang negeri seumur hidup kerana terlibat dalam

JADUAL 1. Migrasi Sikh dari India ke negara-negara baru

Tempat	Tahun Tiba	Penduduk
<i>Eropah</i>		
United Kingdom	1960-90	300,000-400,000
Denmark	1981-	3,500-5000
Jerman	1981-	15,000-20,000
Perancis	1982-	2,500-3,000
Belgium	1984-	3,500-5000
Belanda	1984-	1,500-2,000
<i>Amerika</i>		
Kanada	1905-13	7,500-10,000
	1960-80-an	100,000-125,000
Amerika Syarikat	1905-13	7,500-10,000
	1960-80-an	100,000-125,000
Mexico	1930-	1,000-1,500
Argentina	1950-an	500-2,000
<i>Asia Tenggara dan Oceania</i>		
Malaysia	1865-1940	30,000-45,000
Singapura	1865-1940	25,000-30,000
Filipina	1910-30	2,000-5,000
Thailand	1920-40	2,500-5000
Australia	1890-1910	5,000-7,500
New Zealand	1890-1910	2,000-3,000
Fiji	1890-1910	1,200-2,500
<i>Asia Tengah</i>		
Afganistan	1900-30	2,000-2,500
Emirat Arab Bersatu	1970-80	10,000-25,000
Iraq	1970-80	7,000-10,000

Sumber: Tatla (1993) dalam Cohen (1997: 110).

perang menentang penjajah British dalam tahun 1840-an (Kernial Singh 1993: 559). Kedatangan mereka ini diikuti pula dengan banduan Sikh yang lain.

Walau bagaimanapun, pergerakan ini berhenti selepas tahun 1860 apabila kerajaan India bersetuju untuk menghentikan pemindahan banduan dari India ke Negeri-negeri Selat sebagai reaksi kepada rasa bimbang dan kluatir orang Inggeris tempatan. Banduan-banduan Sikh yang telah tamat tempoh hukuman, tidak

pulang semula ke India. Sebaliknya mereka menetap di Negeri-negeri Selat. Sungguhpun begitu, banduan-banduan Sikh di Negeri-negeri Selat pada masa itu tidak mempunyai hubungan kekeluargaan secara langsung di antara penduduk Sikh di Tanah Melayu dan Singapura pada masa kini (Kernal Singh 1993: 559-60).

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, peluang pekerjaan dan dasar imigrasi yang liberal mendorong lagi penghijrahan orang Sikh ke Tanah Melayu. Faktor ini menyumbang kepada pertambahan semulajadi di kalangan orang Sikh yang sedia ada menetap di negara ini (Kernal Singh 1993: 560-61).

Terdapat dua kesan diaspora Sikh di Tanah Melayu iaitu dari segi sosial dan ekonomi. Kesan sosial diaspora Sikh menyentuh persoalan agama Sikh yang amat mementingkan institusi gurdwara. Pusat-pusat petempatan masyarakat Sikh yang terawal di Tanah Melayu adalah di berek-berek polis dan kawasan lombong bijih timah. Mereka mendirikan gurdwara, iaitu tempat bersembahyang komuniti Sikh di kawasan petempatan mereka untuk memenuhi keperluan kerohanian dan penyatuan masyarakat Sikh. Gurdwara yang pertama di Malaya telah didirikan oleh anggota polis Sikh berhampiran dengan berek-berek polis. Misalnya di negeri Selangor, gurdwara pertama didirikan pada 1890 oleh anggota polis Sikh. Pada tahun 1898 didirikan sebuah lagi gurdwara di Selangor, iaitu di Kelang dan sebuah lagi di Ibu Pejabat Polis High Street pada 1904 (Amarjit Kaur 1983: 38).

Komuniti Sikh menghormati institusi gurdwara kerana ia tempat ibadat dan pusat berkumpul komuniti Sikh untuk memenuhi keperluan-keperluan penganut Sikh. Ringkasnya, di mana sahaja ada penganut Sikh, di situ mesti ada gurdwara. Penganut Sikh mengikut dan menghormati ajaran sepuluh orang Guru mereka yang termaktub dalam kitab suci mengenai agama Sikh, iaitu Sri Guru Granth Sahib Ji. Pemerintah British juga tidak menghalang komuniti Sikh untuk mendirikan gurdwara kerana gurdwara dilihat sebagai pusat penyatuan masyarakat Sikh.

Kesan ekonomi pula dilihat dalam perkembangan aktiviti peminjaman wang iaitu wujudnya golongan pemiutang wang atau *money lenders* di kalangan komuniti Sikh. Terdapat lebih 10,000 orang Sikh yang terlibat dalam aktiviti ini pada 1934 (Malkiat & Mukhtiar 1971: 18). Pada 1975, terdapat 321 orang Sikh yang mempunyai lesen meminjam wang di Semenanjung Malaysia (Manjit Singh 1991: 77).

KAJIAN TENTANG KOMUNITI SIKH

Walaupun diaspora Sikh ke Malaysia sudah berlaku agak lama tetapi kajian mengenai diaspora Sikh dan persoalan identiti mereka dalam masyarakat yang berlainan amat berkurangan. Walau bagaimanapun, setakat ini terdapat beberapa kajian mengenai persoalan ini. Serjit Sahib Singh (1992) misalnya, meneliti masalah krisis identiti yang dihadapi oleh komuniti peranakan Sikh di pantai barat Sabah, iaitu di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran. Identiti budaya komuniti peranakan Sikh ini terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara kaum Sikh dengan

kumpulan luar seperti Cina dan Kadazan. Dalam kajiannya, Serjit meninjau ciri-ciri primer yang membentuk identiti dan sempadan etnik Sikh dan peranan ibu bapa sebagai ejen sosialisasi mengekalkan ciri-ciri tersebut di kalangan anak-anak mereka. Menurut beliau, pengaruh tahap pengetahuan dan amalan agama serta masalah yang dihadapi oleh ibu bapa memberi kesan kepada corak sosialisasi ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Tahap pengetahuan dan amalan ibu bapa Sikh di sana amat dibatasi oleh proses asimilasi budaya yang mempengaruhi corak sosialisasi terhadap anak-anak mereka khususnya dalam pengajaran agama Sikh. Kesannya ialah generasi baru peranakan Sikh semakin lemah pengetahuan dan amalan agama Sikh mereka.

Someeta Kaur Sidhu (1996) pula mengkaji fenomena peningkatan minat masyarakat Sikh terhadap agama dan identiti di Kuala Lumpur. Peningkatan ini ialah akibat kesan balas daripada proses pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dan pelaksanaan pelbagai dasar untuk mewujudkan integrasi dan perpaduan antara kaum oleh kerajaan yang telah mendedahkan komuniti Sikh kepada kaum lain berserta nilai kebudayaan mereka. Komuniti Sikh mula mengeneipkan ajaran agama Sikh yang dianggap 'tidak praktikal' bagi kehidupan moden, dengan demikian menjejaskan identiti komuniti masyarakat Sikh. Sementara itu, peristiwa serangan ke atas Kuil Emas Amritsar (tanah suci Sikh) di Punjab, India pada 1984 telah menyedarkan orang Sikh tentang identiti dan agama mereka. Peristiwa hitam itu telah menjadi satu pemangkin kepada kebangkitan semula agama Sikh di Kuala Lumpur (Someeta Kaur 1996: 37).

AGAMA SIKH DAN PERSOALAN IDENTITI

Setiap kumpulan etnik mempunyai ciri budaya yang melambangkan identiti dan menandakan sempadan etnik mereka. Seseorang yang menganggap dirinya sebagai ahli etnik tertentu mengidentifikasikan dirinya sebagai ahli kumpulan tersebut, mengongsi nilai budaya yang sama dan mempunyai keahlian yang boleh dikenal pasti oleh orang lain. Identiti boleh dilihat dari dua segi. Pertama, identiti menurut kaca mata aktor itu sendiri yang memperlihatkan ciri-ciri perwatakan identitinya yang berbeza daripada orang lain (individu). Kedua, identiti yang *authority-defined* iaitu identiti yang ditetapkan oleh satu-satu pihak yang berkuasa seperti golongan politik atau agama yang menentukan identiti sesuatu kumpulan (kolektif). Akan tetapi, identiti seseorang dalam sesuatu keadaan tidak mutlak. Identiti ialah satu ciptaan sejarah (*a historical construction*) dan bersifat dinamik.

Identiti komuniti Sikh terbentuk menurut ketentuan agama dan bersifat kolektif. Identiti berasaskan agama ini ditentukan oleh *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee* (SGPC), Amritsar, India yang menetapkan upacara *amrit sanskar*.

Dalam agama Sikh, upacara *amrit sanskar* adalah seperti mana upacara pembaptisan dalam agama Kristian, dan sangat penting untuk penganut Sikh

mendekati Tuhan. Setiap penganut diwajibkan untuk memohon amrit (atau lebih dikenali sebagai *amrit chakna*) dalam hidupnya sekiranya dia ingin menjadi seorang *Khalsa* yang tulen dan ikhlas. Upacara bersifat kolektif ini diadakan apabila ada beberapa orang penganut Sikh yang sudah bersedia memohon amrit untuk dibaptiskan. Amrit sanskar dalam komuniti Sikh tidak dipaksakan dan boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa sebarang sekatan umur. Namun, kanak-kanak yang terlalu muda tidak diterima kerana mereka belum cukup dewasa untuk memahami erti upacara itu. Upacara ini dilangsungkan oleh lima orang Sikh yang soleh dan sempurna yang digelar *Panj Piare (Five Beloved Ones)*. Sebelum seseorang itu dibaptiskan, individu tersebut mestilah mandi dahulu dan diwajibkan memakai simbol 5K. Mereka juga tidak dibenarkan memakai barang kemas, peralatan persolekan dan perhiasan.

Kelima-lima simbol 5K adalah penting dan mesti dipakai sepanjang masa kerana ia mencirikan identiti komuniti Sikh yang signifikan. Pertama, *Kesh* atau rambut panjang ialah simbol terpenting bagi kaum Sikh sebagai simbol keimanan. Ringkasnya penganut Sikh tidak seharusnya memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan mereka. Berbuat demikian dianggap melanggar perintah *Waheguru*. Kedua, *Kangha* atau sikat mempunyai hubungan yang rapat dengan rambut kerana dengan adanya sikat, rambut dianggap akan sentiasa bersih. Sikat diperbuat daripada kayu dan sentiasa terletak di dalam serban. Ketiga, *Kirpan* atau pedang kecil menunjukkan seseorang yang memegangnya adalah setia dan teguh imannya serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Simbol ini biasanya digunakan untuk melawan ketidakadilan, penganiayaan dan membantu golongan yang lemah. Ia juga tidak boleh digunakan sesuka hati untuk menguasai hak-hak orang lain.

Keempat, *Kaccha* atau seluar pendek melambangkan kesediaan setiap waktu serta ketangkasan dalam proses melakukan sesuatu. Yang terakhir ialah *Kara* atau gelang besi yang dipakai di tangan kanan untuk mengingatkan seseorang agar mengelakkan kejahatan serta melambangkan ikatan dan kepatuhan yang teguh di antara si pemakai dan agamanya (Sarjit Singh 1998: 103).

Setiap penganut Sikh perlu mematuhi empat larangan atau *char kurahit* dalam Persaudaraan Khalsa yang telah ditetapkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji pada tahun 1699. Apabila seseorang penganut Sikh memohon amrit, iaitu menjadi anggota Persaudaraan Khalsa, mereka diminta mengikuti empat perkara seperti berikut: Pertama, tidak boleh memotong atau mencukur sebarang rambut di mana-mana bahagian badannya. Kedua, tidak boleh memakan daging yang dipotong dengan pemaksaan (termasuk daging halal). Ketiga, tidak boleh meminum arak, menghisap tembakau atau dadah. Dan keempat, tidak boleh mengadakan hubungan seks selain daripada dengan suami atau isteri.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis (1999), komuniti Sikh kini sering mengidentifikasikan diri mereka kepada tiga golongan:

1. *Amrit-dhari*, iaitu penganut Sikh yang memohon amrit seterusnya menjadi anggota kaum *Khalsa Panth* atau Persaudaraan Khalsa. Kehidupan mereka

- berpandukan kepada ajaran agama Sikh yang sebenarnya dan menghormati segala peraturan Khalsa.
2. *Kesh-dhari*, iaitu golongan yang berada 'di tengah'. Mereka memakai serban dan menyimpan janggut tetapi belum lagi memohon amrit untuk menjadi anggota Khalsa yang tulen dan ikhlas.
 3. *Sehaj-dhari*, iaitu golongan yang tidak memakai serban dan belum lagi bersedia untuk memohon amrit.

Di samping itu, identiti Sikh yang lain dapat dilihat dari segi bahasa, pemakanan, pakaian dan tarian. Bahasa Punjabi ialah bahasa ibunda komuniti Sikh di seluruh dunia. Terdapat beberapa buah gurdwara yang mengambil inisiatif mengajar bahasa Punjabi kepada generasi muda yang kurang fasih bertutur dalam bahasa tersebut. Daripada kajian penulis, didapati generasi muda kini lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam perbualan seharian mereka sama ada di rumah atau semasa berada di gurdwara.

Dari segi makanan, komuniti Sikh memakan makanan ruji seperti capati dan dhal dan bahan-bahan berasaskan hasil tenusu seperti susu masam dan minyak sapi. Pakaian lelaki Sikh pula ialah baju panjang sampai ke lutut bersama seluar. Wanita Sikh pula sentiasa memakai *salwar kameez*, iaitu pakaian Punjabi bersama dengan *dupatta* atau selendang kepala. Biasanya komuniti Sikh memakai pakaian tradisional ini semasa mereka berkunjung ke gurdwara. Kebanyakan komuniti Sikh di Malaysia tidak gemar memakai pakaian tradisional Punjabi sebaliknya lebih selesa berpakaian moden. Tarian *bhangra* dan *giddha* merupakan identiti Sikh yang masih dipertahankan oleh komuniti Sikh di Malaysia. Tarian ini biasanya dipersembahkan semasa upacara perayaan *Vesakhi* dan hari perkahwinan dalam komuniti Sikh.

CABARAN TERHADAP IDENTITI KOMUNITI SIKH DI MALAYSIA

Di Malaysia, komuniti Sikh mengalami cabaran hebat untuk mengekalkan identiti berasaskan agama Sikh. Ini kerana telah berlaku banyak proses *enculturation* dalam kehidupan individu Sikh bukan sahaja dengan persekitaran setempat tetapi juga dengan pengaruh dari budaya Barat. Antaranya, perkahwinan campur Sikh dengan penganut agama lain, peraturan sekolah yang menghalang pelajar Sikh menyimpan janggut panjang dan membawa *kirpan*, pengaruh budaya Hindu seperti amalan mengikat *rakhri* dan pengaruh budaya Barat seperti majlis perkahwinan yang menyediakan minuman alkohol.

Agama Sikh menganggap perkahwinan satu institusi yang suci yang perlu dilakukan antara seagama. Individu-individu Sikh yang berkahwin campur seringkali dilontarkan dengan tuduhan seperti kurang didikan agama dan ini akan membawa malu kepada keluarga dan saudara mara. Oleh itu, perkahwinan campur merupakan satu isu yang amat sensitif lebih-lebih lagi di kalangan generasi tua.

Kajian penulis (Sarjit Singh 1998) menunjukkan jumlah perkahwinan campur individu Sikh dengan etnik lain adalah kecil, tetapi bilangannya semakin bertambah setiap tahun. Perkahwinan campur merupakan satu peralihan kerana individu yang berkahwin campur harus mengadaptasikan dirinya dengan satu keadaan persekitaran yang baru. Perkahwinan campur secara tidak langsung menimbulkan krisis identiti dan budaya kepada anak-anak. Akan tetapi sama ada pasangan itu berjaya atau tidak menerima dua bentuk budaya yang berlainan bergantung juga kepada sosialisasi yang dilalui oleh anak-anak hasil dari perkahwinan campur antara dua budaya yang berlainan.

Peraturan dan undang-undang sekolah di kebanyakan sekolah di Malaysia yang menghalang pelajar Sikh menyimpan janggut panjang dan membawa *kirpan* juga merupakan satu cabaran dalam usaha untuk mengekalkan identiti Sikh. Penulis pernah berhadapan dengan beberapa orang pelajar Sikh di sekolah kerajaan yang menghadapi masalah ini di mana pihak sekolah meminta mereka mencukur janggut dan tidak membenarkan mereka membawa *kirpan* ke sekolah. Peraturan ini merumitkan lagi masalah bagi pelajar-pelajar Sikh untuk mengekalkan identiti Sikh.

Upacara *janam sanskar* atau upacara kelahiran di kalangan masyarakat Sikh di Malaysia juga menghadapi perubahan. Dalam agama Sikh, satu upacara ringkas akan dijalankan di gurdwara untuk menamakan bayi dan menerima amrit (air suci) bagi bayi yang baru lahir. *Granthi* (imam) memainkan peranan penting dalam kedua-dua upacara ini. Dalam upacara menamakan anak, *Granthi* akan membuka kitab *Sri Guru Granth Sahib Ji* secara rambang dan membaca sabda pertama di halaman sebelah kiri. Jadi huruf pertama halaman tersebut akan dijadikan huruf awal bagi mencipta nama bayi tersebut. Misalnya, jika huruf pertama sabda tersebut ialah **K**, maka bayi tersebut boleh dinamakan Keshwinder Singh, Kelvender Singh dan sebagainya bagi lelaki manakala bagi perempuan pula ialah Kamaldeep Kaur, Kiranjit Kaur dan sebagainya. Upacara ini diakhiri dengan bacaan *ardas* (doa) oleh *Granthi* dan *karah parshad* (halwa) diberikan kepada *sangat* (jemaah) yang hadir. Upacara ini penting kerana ia melambangkan identiti Sikh yang sebenar mengikut prinsip-prinsip *Sikh Rehat Maryada* atau *Sikhs Code of Conduct*.

Kini sejumlah daripada komuniti Sikh di Malaysia tidak lagi mengikuti amalan dan kepercayaan agama ini. Sebaliknya mereka lebih suka menamakan anak mereka tanpa pergi ke gurdwara.

Individu Sikh yang menganggap diri mereka orang moden juga tidak membawa anak mereka yang berumur genap empat puluh hari untuk disucikan dan diberkati dengan amrit. Pada kebiasaannya satu upacara yang ringkas akan dilakukan oleh *Granthi* di gurdwara apabila bayi yang baru lahir telah mencapai umur genap empat puluh hari. *Granthi* akan menyediakan amrit sambil membaca doa dengan mencampurkan gula dan air dalam sebuah mangkuk besi dan dikacau dengan *khanda* (pisau besi bermata dua). Selepas *Granthi* membacakan doa beliau akan memasukkan beberapa titisan amrit ke dalam mulut si bayi tersebut.

Baki amrit itu pula akan diminum oleh si ibu untuk menyucikan dirinya selepas melalui proses kelahiran (Sarjit Singh 1998: 95).

Enculturation dalam komuniti Sikh juga berlaku, misalnya, hasil pengaruh budaya Hindu seperti mengikat *rakhri* atau *rakhi*. Amalan mengikat *rakhri* ialah warisan tradisi Hindu dan dirayakan pada bulan Ogos setiap tahun. Namun begitu, ada segelintir anggota komuniti Sikh di Malaysia yang mengamalkannya kerana mereka terpengaruh dengan budaya masyarakat Hindu setempat. *Rakhri* bermaksud perlindungan di mana pada hari tersebut kaum perempuan yang mempunyai abang lelaki akan mengikat sekalung benang yang dihiasi bunga-bunga di pergelangan tangan abangnya. Sebagai balasan abangnya akan memberikan hadiah berupa wang, pakaian atau barang-barang kemas bagi mereka yang mampu kepada adik perempuannya. Makna simbolik di sebalik upacara ikatan *rakhri* ini ialah abang lelaki menerima tanggungjawab memberi sepenuh perlindungan sekiranya adik perempuannya itu berhadapan dengan sebarang masalah. Justeru ritual ini juga mengandaikan bahawa si perempuan itu tidak dapat melindungi dirinya sendiri (Sarjit Singh 1998: 97).

Enculturation dalam komuniti Sikh juga berlaku daripada segi perhiasan diri di mana ramai wanita Sikh menindik telinga dan hidung mereka. Di dalam *Sikh Rehat Maryada* penganut-penganut Sikh dibenarkan untuk memakai sebarang perhiasan diri kecuali mereka tidak boleh menindik telinga dan hidung mereka. Ini kerana pada masa dahulu di Punjab, amalan menindik telinga dan hidung menunjukkan perhambaan dan biasanya dikaitkan dengan para hamba untuk menentukan status mereka. Agama Sikh secara keras melarang sebarang bentuk perhambaan kerana dalam falsafah agama Sikh, semua manusia adalah sama di sisi Tuhan (Sarjit Singh 1998: 93). Tetapi kini, kebanyakan wanita Sikh tidak kira tua atau muda akan menindik telinga dan hidung mereka untuk perhiasan diri agar kelihatan lebih cantik. Bentuk dan saiz anting-anting yang dipakai berbeza kerana ada yang bulat, tiga segi dan sebagainya. Ada juga di antara mereka yang mahu kelihatan lebih moden dengan memakai dua hingga tiga anting-anting. Ramai wanita Sikh menggunakan gincu bibir dan mekap untuk perhiasan diri mereka. Kesemua gaya hidup moden ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Sikh untuk tidak ketinggalan dalam mengejar arus pemodenan.

Satu lagi contoh *enculturation* dalam komuniti Sikh ialah amalan semasa jamuan makan malam pada majlis perkahwinan. Kebanyakan keluarga pengantin lelaki yang tidak menjadi anggota kaum Khalsa menyediakan minuman alkohol untuk memeriahkan suasana perkahwinan di kediaman mereka, di dewan serbaguna atau hotel. Amalan ini semacam satu kemestian dalam budaya Sikh yang baru, tetapi ia berlawanan dengan ajaran agama Sikh. Di dalam *Sikh Rehat Maryada* dijelaskan bahawa penganut Sikh tidak dibenarkan untuk mengambil minuman alkohol.

KESIMPULAN

Nota penyelidikan ini telah membincangkan diaspora Sikh dan masalah identiti mereka. Di Malaysia, perubahan sosial yang berlaku dengan pantas terus menerus mempengaruhi identiti komuniti Sikh. Identiti Sikh bukan sahaja penting untuk melambangkan budaya mereka tetapi juga agama Sikh itu sendiri. Institusi gurdwara ialah institusi penting bagi mengekal dan mengukuhkan identiti komuniti Sikh di Malaysia. Namun, identiti ialah sesuatu yang dinamik dan terus berubah. Apa yang akan berlaku pada identiti komuniti Sikh pada masa depan adalah satu persoalan penyelidikan yang penting yang perlu diteliti lebih lanjut.

RUJUKAN

- Amarjit Kaur. 1983. Ethnicism, religion and social organisation among the North Indians. *Malaysia in History* 26: 31-50.
- Billa, K.J. 1980. Is India a nation. *South Asian and Middle Eastern Studies* 4 (1): 12-25.
- Cohen, Robin. 1997. *Global diasporas: An introduction*. United Kingdom: UCL Press.
- Encyclopaedia of Britannica Year Book 1995*. USA: Encyclopaedia Britannica Inc.
- Guninder Kaur Singh. 1993. *Sikhism and world religions*. New York: Facts on File.
- Kernal Singh Sandhu. 1993. *Indians communities in Southeast Asia*. Singapore: Time Academic Press.
- Manjit Singh Sidhu. 1991. *Sikhs in Malaysia*. Kuala Lumpur: Sant Sohan Singh Ji Malacca Memorial Society.
- Nayar, Baldev Raj. 1966. *Minority politics in Punjab*. New Jersey: Princeton University Press.
- Sarjit Singh. 1998. Masyarakat minoriti Sikh di Malaysia. Latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1999. Identiti Sikh. Kertas Projek Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Serjit Sahib Singh. 1992. Krisis identiti di kalangan komuniti peranakan Punjabi yang beragama Sikh. Satu kajian kes di Pantai Barat Sabah. Latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sikh Naujawan Sabha. 1969. *Ugama Sikh*. Seremban: Sikh Naujawan Sabha Malaysia.
- Someeta Kaur Sidhu. 1996. Kebangkitan semula agama Sikh: Satu kajian kes di Kuala Lumpur. Latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sri Guru Nanak Sat Sang Sabha. Tanpa tarikh. *A guide to the Sikh way of life*. Singapura: Sri Guru Nanak Sat Sang Sabha.
- Veer Jagdish Singh. 1988. *Sangati samachar: Special issue 13th April 1988*. Kuala Lumpur: Sangati Samachar.

Sarjit Singh a/l Darshan Singh
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia